



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,  
Aras 18, Blok C,  
Ibu Pejabat  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,  
No. 2, Lebuhraya Wawasan, Presint 7,  
62250 Putrajaya**

Tel. : **03-8870 0015**  
E-mel : [komunikasi@sprm.gov.my](mailto:komunikasi@sprm.gov.my)  
Web : [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)  
Twitter : [twitter.com/SPRMMalaysia](https://twitter.com/SPRMMalaysia)  
Facebook: [facebook.com/sprm.benci.rasuah](https://facebook.com/sprm.benci.rasuah)  
Youtube : [www.youtube.com/odvmacc](https://www.youtube.com/odvmacc)

# KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## SPRM PERJELAS ISU VIDEO TULAR DAKWAAN PEGAWAI BERLAKU KASAR

Merujuk video yang ditularkan menerusi akaun Twitter sebuah parti politik yang mendakwa kononnya seorang pegawai berlaku kasar dan menghalau ahli-ahli parti tersebut dari pekarangan bangunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya ini ingin memperjelaskan isu tersebut agar tidak menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai.

Harus diperjelaskan bahawa berdasarkan peraturan Kawasan Larangan Tempat Larangan (KLTL) yang diwartakan terhadap bangunan tersebut, Bahagian Keselamatan SPRM hanya membenarkan tiga orang wakil pihak luar untuk masuk ke pekarangan dan dalam bangunan SPRM bagi bertemu pegawai bertugas untuk membuat aduan.

Rakaman video dan kamera juga tidak dibenarkan dalam KLTL tersebut tanpa kebenaran pihak Pengurusan Tertinggi SPRM.

Bagaimanapun didapati kira-kira tujuh daripada 25 individu dalam kumpulan itu telah masuk secara berdua-dua ke pekarangan SPRM sehingga ke pintu utama bangunan. Individu-individu tersebut juga tidak mematuhi peraturan KLTL kerana merekod video ketika berada di pekarangan dan dalam bangunan SPRM.

Kejadian itu berlaku dalam pekarangan bangunan Ibu Pejabat SPRM Putrajaya kira-kira jam 11.00 pagi hari ini. Walau bagaimanapun, SPRM memandang serius insiden tersebut dan akan membuat siasatan lanjut. Sekiranya didapati berlakunya salah laku, Suruhanjaya ini akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Sementara itu, SPRM juga mengesahkan sudah menerima maklumat daripada ahli Parti Sosialis Malaysia, Dr. Jeyakumar Devaraj yang membabitkan dakwaan isu penyelewengan dalam urusan tanah kerajaan di Perak. SPRM akan mengkaji dan meneliti terlebih dahulu maklumat tersebut sebelum sebarang tindakan lanjut dijalankan.

Sebagai agensi pencegahan rasuah, SPRM sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada orang ramai untuk tampil ke mana-mana pejabat SPRM bagi membuat aduan berkaitan rasuah.

## SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA PUTRAJAYA

21 APRIL 2022



**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi** Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Kamaruddin M. Ripin (03-88700016) atau Badrila Jamlus (03-88700200)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui pengubalan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).